



BULETIN MOT



7 FEB 2024

Sambutan Tahun Baharu Cina
Pada Majlis Perlepasan
Penerangan AirAsia AK9070



23 - 25 FEB 2024

Program MADANI Rakyat
Zon Tengah



22 MAC 2024

Memorandum Persefahaman
Berkaitan Penukaran Status
Pelabuhan Bintulu



10 JUN 2024

MRL Menandatngani MOU
Dengan Perodua, Kuantan
Port

7 FEB 2024

Sambutan Tahun Baharu Cina
Pada Majlis Perlepasan
Penerangan AirAsia AK9070



20 FEB 2024

Persembahan Simbolik
Nombor Plat 'GOLD 1'
Milik Yang Di-Pertuan Agong

18 MAC 2024

Majlis Pemeteraian
Perjanjian Operasi MAHB
Dan Perjanjian Pajakan Tanah



22 MAC 2024

Memorandum Persefahaman
Berkaitan Penukaran Status
Pelabuhan Bintulu



10 JUN 2024

Majlis Pecah Tanah Stesen
Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)
Terminal Bersepadu Gombak

19 JUN 2024



3 - 5 MEI 2024

Program MADANI
Rakyat Zon Utara



Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara

Sustainable Transport the Heart Of National Development

Perjanjian Memorandum Persefahaman (MOU) Dengan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) Bagi Pembangunan Bandar Prai, Pulau Pinang

16 JANUARI 2024 - Agensi di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT), Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah menandatangani Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) Bagi Pembangunan Bandar Prai, Pulau Pinang. Pemeterai MoU ini merupakan persefahaman di antara RAC dan LPNPP yang akan menyaksikan tiga bidang tanah milik RAC yang dikenali dengan Kampung Manis bakal berubah wajah daripada sebuah



perkampungan setinggan kepada sebuah kawasan membangun yang moden dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk pusat-pusat komersial dan terdapat komponen-komponen lain seperti hub pengangkutan, peruncitan, institusi pendidikan dan yang paling penting adalah perumahan.

Penawaran Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) Sempena Hari Wilayah Persekutuan Ke-50

30 JANUARI 2024 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia telah mengadakan sidang media penawaran Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) siri GOLD sempena Sambutan Jubli Emas Hari Wilayah Persekutuan ke-50. Penawaran NPI siri GOLD ini juga merupakan usaha MOT untuk merealisasikan hasrat Kerajaan dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Kementerian seperti bantuan lesen memandu, bantuan topi keledar dan subsidi FlySISWA.





Sambutan Tahun Baharu Cina Pada Majlis Perlepasan Penerbangan AirAsia AK9070

7 FEBRUARI 2024 - Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah bersama AirAsia meraikan sambutan Tahun Baharu Cina pada Majlis Perlepasan Penerbangan AirAsia AK9070. Sambutan Tahun Baharu Cina kali ini diraikan dengan muatan penumpang 100 peratus untuk penerbangan lewat malam istimewa dengan tambang tetap dari Kuala Lumpur ke Sibu. Kementerian Pengangkutan (MOT) menghargai komitmen AirAsia kerana sentiasa menawarkan tambang lebih nilai kepada para tetamu mereka dengan tambang tetap rendah termasuk penerbangan lewat malam ke Sabah dan Sarawak. Kerajaan akan terus memperkenalkan pelbagai inisiatif dengan menawarkan tambang lebih berpatutan semasa musim perayaan.



Majlis Pelancaran Sistem Pembayaran Terbuka KTMB

08 FEBRUARI 2024 - Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Sistem Pembayaran Terbuka KTMB bertempat di Stesen Keretapi Ipoh, Perak. Penambahbaikan perkhidmatan ini meletakkan KTMB sebagai syarikat rel pertama di negara yang berjaya mengoperasikan sistem pembayaran terbuka dengan pelbagai mod pembayaran yang praktikal di mana penumpang boleh menggunakan kad debit, kad kredit dan mod bercirikan komunikasi medan berhampiran (NFC) seperti Apple Pay, Samsung Pay selain aplikasi KITS KTMB dan kad Touch'n Go yang sedia ada.



Sistem digital dan pembayaran terbuka ini akan memanfaatkan operator KTMB daripada segi kos pengurusan tunai dan penyelenggaraan sistem mesin pertiketan sedia ada. YB Menteri turut berpeluang menyantuni para penumpang tren ETS Ekspres KL-Ipoh bersempena Tahun Baharu Cina dengan mengedarkan pek cenderahati. Pengoperasian ETS secara terus ini merupakan inisiatif baharu dengan masa perjalanan hanya 2 jam berbanding waktu perjalanan biasa iaitu 2 jam 40 minit.

Pembukaan Semula Laluan Di Antara Stesen Masjid Jamek Dan Stesen Bandaraya


17 FEBRUARI 2024 - Bermula pada 17 Februari 2024, pengguna harian LRT Laluan Ampang/Sri Petaling boleh menikmati perjalanan yang lebih selesa dan mudah dengan pembukaan semula laluan di antara Stesen Masjid Jamek dan Stesen Bandaraya pada jam 6.00 pagi tadi yang ditutup semenjak 27 Januari 2023 atas faktor keselamatan. YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah hadir dan menyaksikan sendiri pembukaan laluan ini.



Beliau juga turut menyatakan bahawa Rapid Rail Sdn Bhd menyasarkan peningkatan penggunaan harian sebanyak 200,000 menjelang penghujung tahun 2024 berbanding 155,000 semasa tempoh penutupan laluan dengan kekerapan tren pada waktu puncak kembali normal iaitu tiga minit bagi Daerah Pusat Perniagaan (CBD) dan enam minit di luar Daerah Pusat Perniagaan (non-CBD) dengan pengoperasian 37 buah tren.

Persempahan Simbolik Nombor Plat 'GOLD 1' Milik Yang Di-Pertuan Agong

20 FEBRUARI 2024 - YB Anthony Loke, Menteri Pengangkutan dan YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan telah mempersempahkan secara simbolik nombor plat kenderaan berkenaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di Istana Negara.



Nombor plat kenderaan keluaran khas "GOLD 1" menjadi milik KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selepas membida nilai tertinggi dalam sejarah negara, sebanyak RM1.5 juta yang akan disalurkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Program MADANI Rakyat Zon Tengah

23 - 25 FEBRUARI 2024 - Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menyertai pameran di Program MADANI Rakyat 2024 Zon Tengah selama tiga (3) hari di Kompleks Sukan Kuala Selangor. Antara pengisian menarik di reruui MOT kali ini ialah pameran inisiatif di bawah MOT mengikut sektor Pengangkutan; pameran kotak hitam, pesawat tanpa pemandu (UAS/Drone) oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU); Pameran jarajaran Laluan ECRL oleh Malaysia Rail Link (MRL); Promosi Aplikasi KITS dan



perkhidmatan ETS oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) turut menyediakan perkhidmatan JPJ Mobile dan turut membuka kaunter semakan saman, pendaftaran JPJe-ID serta program penukaran topi keledar motorsikal dewasa dan pendaftaran belajar memandu untuk warga B40.





Routes Asia 2024

27 - 29 FEBRUARI 2024 - Routes Asia 2024 telah dirasmikan oleh YB Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia. Acara MICE ini dihadiri kira-kira 1,000 orang delegasi daripada 60 negara dengan 3,500 temu janji diadakan. Delegasi juga terdiri daripada 110 syarikat penerbangan, 170 lapangan terbang/destinasi dan 30 pakar/pemacu industri mengambil bahagian dalam persidangan. Routes Asia merupakan sebuah acara Business to Business (B2B) terbesar di rantau Asia Pasifik dengan menemukan semua syarikat penerbangan seluruh Asia, lapangan terbang, pihak berkuasa pelancongan dan pempengaruh industri penerbangan terkemuka di rantau ini.



Acara ini merupakan satu-satunya acara pembangunan laluan penerbangan yang didedikasikan khas untuk rantau Asia Pasifik. Acara ini menyediakan platform kepada rantau Asia untuk mengembangkan jaringan penerbangan dan membincangkan peluang pembangunan laluan penerbangan baru di sesuatu destinasi.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023 Dan Jasamu Dikenang Tahun 2024

07 MAC 2024 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023 dan Jasamu Dikenang Tahun 2024 Kementerian Pengangkutan (MOT) dianjurkan secara kolaborasi strategik MOT bersama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) bertempat di Bangi Avenue Convention Centre (BACC). Majlis ini telah meraikan seramai 48 orang penerima APC tahun 2023 dan 9 orang pesara serta bakal pesara bagi tahun 2024.



Pada majlis ini juga turut meraikan 2 penerima Anugerah Khas MOT. Anugerah khas ini diberikan kepada organisasi di bawah MOT yang telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan iaitu Malaysia Rail Link (MRL) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). MOT merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah dan sekalung penghargaan kepada pegawai-pegawai yang telah dan bakal bersara di atas sumbangan dan bakti yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan.

Penyerahan Kontrak Pay As Use Antara RAC Dan Sesi Penyerahan Sumbangan Zakat Korporat RAC

15 MAC 2024 - Kementerian Pengangkutan (MOT) menerusi Perbadanan Aset Keretapi (RAC), hari ini telah memperkenalkan inisiatif yang dikenali sebagai Rolling Stock Strategy (RSS) bagi menambah baik sistem pengoperasian kargo di Malaysia dengan mengurangkan kos perolehan bagi rolling stock baharu seterusnya menyediakan sistem pengangkutan rel yang mampan. Bagi merealisasikan inisiatif ini, satu sesi Penyerahan Kontrak Pay As Use antara RAC dengan SMH Rail Sdn. Bhd.



(SMH Rail) dan disaksikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan. Pada majlis yang sama, turut diadakan sesi penyerahan sumbangan zakat korporat RAC bagi tahun 2023 berjumlah RM200,000.00 kepada Lembaga Zakat Selangor selain sumbangan kepada tiga (3) rumah kebajikan sekitar Selangor.



Majlis Pemeteraian Perjanjian Operasi Dan Perjanjian Pajakan Tanah

18 MAC 2024 - Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Kerajaan Malaysia hari ini secara rasmi menandatangani Perjanjian Operasi (OA) baharu menerusi Majlis Pemeteraian Perjanjian Operasi dan Perjanjian Pajakan Tanah yang disaksikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan. Menerusi perjanjian ini, MAHB diberi kepercayaan untuk terus mengendalikan, mengurus, menyelenggara dan membangunkan 39 buah lapangan terbang dan STOLports untuk tempoh 45 tahun, dan akan dilanjutkan sehingga 11 Februari 2069.



Pengumuman Sistem Pembatalan Pendaftaran Kenderaan Motor Secara Atas Talian



21 MAC 2024 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah mengumumkan satu inisiatif baharu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) iaitu perkhidmatan pembatalan pendaftaran pemilikan kenderaan motor oleh pemilik berdaftarnya secara atas talian. Sistem ini dinamakan Sistem Pembatalan Pendaftaran Kenderaan Motor Secara Atas Talian (Online Motor Vehicles De-Registration System) atau nama pendeknya e-Dereg. Melalui sistem ini mana-mana pemilik kenderaan motor yang ingin melupuskan kenderaan tersebut boleh melengkapkan proses pembatalan pendaftaran atas talian sahaja tanpa perlu ke kaunter JPJ. Melalui sistem ini pelbagai pihak dapat menangani isu dan masalah daripada lambakan kenderaan terbiar dan buruk di kawasan perumahan melalui cara pelupusan di mana-mana fasiliti Rawatan Automotif Berlesen oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Sebagai permulaan, sistem ini akan dilaksanakan oleh Car Medic Sdn. Bhd. yang telah mempunyai lesen pengoperasian AATF tersebut. YB Menteri turut menyeru orang ramai yang ingin membuat proses pembatalan pendaftaran atas talian dan melupuskan kenderaan tersebut boleh berhubung terus dengan syarikat tersebut di Bandar Teknologi Kajang, Semenyih.





Memorandum Persefahaman Berkaitan Penukaran Status Pelabuhan Bintulu Daripada Pelabuhan Persekutuan Kepada Pelabuhan Negeri

22 MAC 2024 - Bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengambil alih Pelabuhan Bintulu yang pada masa ini di bawah pengawalseliaan Kerajaan Persekutuan, YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan dan YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Premier merangkap Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan telah menandatangani Memorandum Persefahaman Berkaitan Penukaran Status Pelabuhan Bintulu daripada Pelabuhan Persekutuan kepada Pelabuhan Negeri. Majlis yang bersejarah ini telah disaksikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia bersama-sama YAB Tan Sri Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg, Premier Sarawak.



Pengumuman Inisiatif Tambah Baik Perjalanan Balik Kampung Sempena Hari Raya Aidilfitri

22 MAC 2024 - Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah mengadakan Pengumuman Inisiatif Tambah Baik Perjalanan Balik Kampung Sempena Hari Raya Aidilfitri selaras dengan usaha berterusan Kementerian Pengangkutan untuk membantu perantau balik kampung. Kerajaan telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh bantuan subsidi penerbangan antara Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak dan Labuan dari tiga hari kepada empat hari sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri, iaitu pada 6, 7, 8 dan 9 April 2024. Selain itu, MOT melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah memudahkan cara



sebanyak 342 penerbangan domestik tambahan di seluruh negara untuk perjalanan antara 3 hingga 18 April 2024. Perkhidmatan KTM juga akan menyediakan enam (6) perkhidmatan tren ETS tambahan seperti berikut bermula dari 4 April hingga 15 April 2024 di mana jumlah keseluruhan sebanyak 135,000 tiket-tiket ETS yang ditawarkan termasuk tren biasa dan tambahan bagi musim perayaan Aidilfitri. Manakala bagi Ekspres Lambaian Aidilfitri (ELA) pergi dan balik pula akan beroperasi dari Stesen KL Sentral ke Stesen Tumpat dan sebaliknya. Sebanyak 952 tiket ditawarkan untuk perkhidmatan khas ini. Tiket tambahan untuk ETS dan perkhidmatan khas ELA akan mula dijual pada hari ini iaitu 22 Mac 2024, bermula jam 5.00 petang.

Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Kementerian Pengangkutan (MOT)

26 MAC 2024 - Majlis Khatam Al-Quran (15 Ramadan 1445H) anjuran Surau Wizaratun Naqli peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah diadakan hari ini sempena bulan Ramadan tahun 2024. Ia juga merupakan penutup kepada Program Tadarus Al-Quran peringkat MOT dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang turut diadakan pada hari yang sama. Program ini diselitkan dengan sesi taklimat oleh JAWHAR dan Yayasan Wakaf yang bertajuk "Wakaf: Saham Akhirat Kita"



di Malaysia. Turut hadir ke sesi taklimat ini iaitu YBrs Dr. Nor Fuad Bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, Kementerian Pengangkutan Malaysia yang juga Penaung Surau Wizaratun Naqli MOT. Syabas dan tahniah kepada warga MOT dan JPJ yang menyertai program tadarus dan khatam Al-Quran pada tahun ini. Semoga dengan pelaksanaan program ini dapat menyemai rasa kecintaan terhadap Al-Quran dan menjadikan bacan Al-Quran sebagai sebahagian daripada amalan harian.



Program Agihan Bubur Lambuk Kepada Warga Kementerian Pengangkutan Dan Warga Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Sempena Menyambut Bulan Ramadan 1445H

26 MAC 2024 - Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) dengan kerjasama Surau Wizaratun Naqli, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan Program Agihan Bubur Lambuk kepada warga Kementerian Pengangkutan dan Warga Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sempena menyambut bulan Ramadan 1445H. Program ini telah disempurnakan



oleh YB Datuk Haji Hasbi Bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan dan diiringi oleh YBrs. Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid, Yang DiPertua Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian Pengangkutan (KSKKP). Perkongsian rezeki bubur lambuk yang dilaksanakan oleh KSKKP ini adalah untuk mengimarahkan dan memuliakan bulan Ramadan, malah menjadi satu wadah untuk merapatkan hubungan silaturahim dan semangat perpaduan antara satu sama lain.

Program Mini Karnival MOT, Dewan Serbaguna Kerling, Kuala Kubu Bharu

20 APRIL 2024 - Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT), YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniyan telah menghadiri Program Mini Karnival MOT bertempat di Dewan Serbaguna Kerling, Kuala Kubu Bharu. Mini Karnival MOT anjuran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ini adalah untuk memberikan perkhidmatan terus kepada golongan sasar terutamanya warga daripada kumpulan B40 di Kuala Kubu Bharu dan kawasan sekitarnya.



Antara program yang disediakan dalam Program Mini Karnival MOT ialah:

1. program pertukaran topi keledar lama ke baharu;
2. program bantuan lesen memandu MyLESEN;
3. perkhidmatan kaunter bergerak JPJ Mobile;
4. program pemeriksaan motosikal;
5. pemberian minyak hitam motosikal percuma;
6. promosi pendigitalan perkhidmatan JPJ;
7. advokasi keselamatan jalan raya dan
8. peluang kerjaya dalam sektor pengangkutan.

YBhg. Dato' KSU telah menyampaikan sebanyak 1,000 unit topi keledar baharu kepada peserta program pertukaran topi keledar lama. YBhg. Dato' KSU juga turut berkesempatan menyampaikan surat tawaran kepada penduduk Kuala Kubu Bharu yang layak bagi menjalani latihan dan pengujian untuk mendapatkan Lesen Memandu B2 (Motosikal).



Program MADANI Rakyat Zon Utara

3 - 5 MEI 2024 - Program MADANI Rakyat (PMR) Zon Utara yang bermula dari 3 sehingga 5 Mei 2024 telah mendapat sambutan amat mengalakkannya dari negeri-negeri wilayah utara, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Seramai 289,228 pengunjung telah direkodkan hadir sepanjang 3 hari tersebut. Kementerian Pengangkutan (MOT) selaku kementerian peneraju bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengucapkan jutaan terima kasih kepada pengunjung zon utara yang telah hadir memeriahkan



PMR kali ini khususnya pengunjung yang mengunjungi Pavilion MOT, reraui Jabatan & Agensi dan perkhidmatan kaunter bergerak. Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri. Turut memeriahkan majlis, YAB Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali Ketua Setiausaha Negara; YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan; barisan kabinet kerajaan; barisan ahli undangan negeri wilayah utara dan barisan pengurusan tertinggi pentadbiran perkhidmatan awam.

Majlis Pecah Tanah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Castlefield Puchong

8 MEI 2024 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah menghadiri Majlis Pecah Tanah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Castlefield Puchong yang turut dihadiri oleh YAB Datuk Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor dan YB Gobind Singh Deo, Menteri Digital serta YB Wong Kah Woh, Timbalan Menteri Pendidikan. Perjanjian ini ditandatangani oleh Prasarana Malaysia Berhad dengan Lembaga Pengurus SJKT Castlefield bersama syarikat Dhaya Maju Infrastructure (Asia) Sdn. Bhd. dengan tujuan memulakan pelaksanaan projek pembangunan sekolah baharu SJKT Castlefield. Dengan termeterainya



perjanjian bersama tiga pihak ini, SJKT Castlefield Puchong akan menerima sebuah sekolah baharu setinggi lima tingkat dengan 33 bilik darjah berkeluasan 13,000 meter persegi. Ianya menjanjikan sebuah persekitaran baru yang kondusif serta mesra alam untuk pembelajaran 800 orang pelajar yang terdiri daripada penduduk tempatan di sekitar Puchong.

Sesi Libat Urus YB Menteri Pengangkutan Bersama Editor Media Dan Bengkel Kewartawanan Bertemakan “Keselamatan Jalan Raya Sebagai Isu Kesihatan Awam”

16 MEI 2024 - Kementerian Pengangkutan menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menganjurkan Sesi Libat Urus YB Menteri Pengangkutan bersama Editor Media dan Bengkel Kewartawanan bertemakan “Keselamatan Jalan Raya sebagai Isu Kesihatan Awam” di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur. Menurut laporan daripada PDRM bagi tahun 2023, hampir 600,000 kes nahas jalan raya berlaku di seluruh negara pada tahun tersebut. Sasaran “Pengurangan 50% Jumlah Kematian Akibat Nahas Jalan Raya menjelang 2030”, adalah merupakan tanggungjawab bersama yang harus dicapai oleh sektor awam mahupun swasta. Sehubungan itu, media merupakan platform utama dalam menyampaikan mesej-mesej keselamatan jalan raya di samping mendidik dan mempengaruhi tingkah laku awam dalam memperkenalkan sikap positif serta bertanggungjawab ketika berada di jalan raya.



Peraturan Permit Kemasukan Kenderaan Motor Asing (VEP) Di Sempadan Darat Malaysia-Singapura Mulai 1 Oktober 2024

28 MEI 2024 - Kementerian Pengangkutan (MOT) akan menguatkuasakan Peraturan Permit Kemasukan Kenderaan Motor Asing (VEP) di sempadan darat Malaysia-Singapura mulai 1 Oktober 2024. YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan semasa sidang media berkata, penguatkuasaan itu membabitkan pemilik kenderaan asing dari Singapura yang merentasi Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar di Tambak Johor serta Kompleks CIQ Bangunan Sultan Abu Bakar di Laluan Kedua Malaysia-Singapura. Peraturan ini akan turut diperluaskan ke Sempadan Darat Malaysia-Thailand.



Kenderaan motor asing tanpa VEP boleh dianggap melakukan kesalahan selaras dengan Seksyen 66H (7), Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan kompaun atau didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjara tidak melebihi enam bulan mengikut Seksyen 119 (2) di bawah Akta 333. Selain itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mempunyai kuasa melarang mana-mana kenderaan asing yang tidak mempunyai VEP untuk masuk dan keluar dari negara ini.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Pengumuman Kadar Fi Baharu Lesen Kenderaan Motor (LKM) Bagi Kenderaan Motor Tanpa Pelepasan Asap / Zero Emission Vehicles (ZEVs) Atau Kenderaan Elektrik

4 JUN 2024 - Berkuat kuasa 1 Januari 2026, Kementerian Pengangkutan hari ini mengumumkan Kadar fi baharu Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi kenderaan motor tanpa pelepasan asap / Zero Emission Vehicles (ZEVs) atau kenderaan elektrik. YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan semasa sidang media berkata, kadar fi baharu itu secara puratanya adalah 85 peratus lebih rendah berbanding kadar sedia ada yang ditetapkan sebelum ini di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran Dan Pelesenan). Hal ini bertujuan untuk menggalakkan rakyat agar beralih kepada penggunaan kenderaan EV bagi menyokong penggunaan kenderaan bebas karbon. Kadar fi baharu LKM ZEV ditetapkan berdasarkan kepada kuasa motor elektrik dan meningkat selaras dengan kenaikan kuasa motor elektrik. Peningkatan kuasa motor elektrik akan mewakili peningkatan dalam harga belian, saiz, segmen dan berat kenderaan. Semua kadar fi bagi kenderaan ZEV akan disemak sekurang-kurangnya setiap lima tahun bagi memastikan keberkesanan dalam mencapai objektif peralihan kepada ZEV serta impak kepada hasil kerajaan.

MRL Menandatangani MOU Dengan Perodua, Kuantan Port Untuk Potensi Perkhidmatan Pengangkutan Barang ECRL

10 JUN 2024 - Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) telah menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) dengan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) dan Konsortium Pelabuhan Kuantan Sdn Bhd (Kuantan Port) masing-masing, menandakan potensi kerjasama jangka panjang untuk perkhidmatan pengangkutan barang East Coast Rail Link (ECRL) yang akan dilancarkan menjelang Januari 2027. MoU antara MRL dan Perodua serta antara MRL dan Kuantan Port dijangka akan mendorong pelbagai pemain industri untuk beralih kepada pengangkutan melalui rel, memandangkan rangkaian ECRL sepanjang 665 km akan memudahkan pengangkutan yang lancar antara pantai timur dan barat Semenanjung Malaysia.



ECRL berperanan sebagai penggalak utama dalam meningkatkan kesalinghubungan serantau dan pembangunan ekonomi, dengan "landbridge"nya menghubungkan dermaga Kuantan Port ke dermaga-dok di Northport dan Westports di Port Klang. Kesalinghubungan 'last-mile' penting ini antara Kuantan Port dan Port Klang akan menyempurnakan pemindahan barang antara pelabuhan dan menanganis isu double handling kargo.

2024 Senior Transport Officials Meeting (STOM)

11 JUN 2024 - Majlis STOM ke-57 telah dirasmikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan di Pulau Pinang dan dihadiri oleh wakil-wakil yang dipimpin oleh Setiausaha Agung/Setiausaha Tetap dari Negara-Negara Anggota ASEAN serta Rakan Dialog ASEAN iaitu Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea (ROK) dan Amerika Syarikat (AS), serta pegawai-pegawai kanan dari MOT dan agensinya. Pengajuran STOM ke-57 juga telah disokong oleh dua rakan strategik utama MOT iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. STOM ke-57 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Setiausaha Agung MOT menyediakan peluang untuk pertukaran pandangan, berkongsi amalan terbaik dan merangka jalan ke hadapan secara kolektif menuju sistem pengangkutan yang lebih berintegrasi, cekap dan mampan untuk rantau ASEAN. Malaysia selaku pengurus dalam Mesyuarat-Mesyuarat Pengangkutan ASEAN 2024, Malaysia mempromosikan empat (4) fokus utama iaitu artificial intelligence, sektor perkongsian mobiliti, kemudahan lintas sempadan dan pengangkutan mampan.



Majlis Pecah Tanah Stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) Terminal Bersepadu Gombak

19 JUN 2024 - Premier Republik Rakyat China, TYT Li Qiang bersama Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook merasmikan Majlis Pecah Tanah Stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) Terminal Bersepadu Gombak, menandakan kerjasama yang berhasil antara kedua-dua negara dalam pembangunan projek mega di bawah Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI). Pembinaan jajaran ECRL sepanjang 665km yang merentasi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, dan Selangor ini telah mencatat kemajuan sebanyak 67.09 peratus setakat Mei 2024. Jajaran rel ECRL dari Kota Bharu,



Kelantan ke Terminal Bersepadu Gombak, Selangor dijangka siap pada Disember 2026. Manakala bagi Jajaran ECRL antara Gombak dan Pelabuhan Klang pula dijangka siap menjelang Disember 2027. ECRL mempunyai 20 buah stesen yang terdiri daripada 10 stesen penumpang serta 10 stesen gabungan penumpang dan kargo yang akan dapat mengurangkan masa perjalanan selama 4 jam berbanding kira-kira 7 jam melalui pengangkutan jalan raya.

Sambutan Hari Pelaut Sedunia

29 JUN 2024 - Hari Pelaut Sedunia bertemakan "Safety Tips At Sea" yang disambut pada 25 Jun setiap tahun ini merupakan satu penghormatan serta memberi pengiktirafan diatas dedikasi, kerja keras para pelaut yang sering bekerja di belakang tabir untuk memastikan aliran barang keperluan merentasi lautan dunia serta usaha mereka untuk terus mengekalkan standard keselamatan yang tinggi dalam industri maritim. Kementerian Pengangkutan (MOT), dengan kerjasama Jabatan Laut Malaysia (JLM), sentiasa mematuhi dan melaksanakan semua keperluan standard latihan pelaut seperti yang dinyatakan dalam "International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers (STCW) 1978" selaras dengan pindaan terkini. Malaysia juga komited untuk meningkatkan perlindungan hak asasi pelaut seperti yang digariskan dalam "Maritime Labour Convention (MLC) 2006".



Mesyuarat Majlis Perkapalan Dan Pelabuhan Kebangsaan (NSPC)

4 JULAI 2024 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah mempengerusikan mesyuarat Majlis Perkapalan dan Pelabuhan Kebangsaan atau National Shipping and Port Council (NSPC) yang pertama susulan keputusan Kementerian Pengangkutan untuk mengaktifkan semula majlis ini. YB Menteri semasa sidang media berkata, dasar industri perkapalan negara akan diperkenal bagi memandu industri perkapalan tempatan dalam eksport dan import, sekali gus membuka lebih banyak lagi peluang pekerjaan. Aktiviti di pelabuhan Malaysia merupakan salah satu indikator penting selaku petunjuk peningkatan prestasi ekonomi negara. Ini dapat disaksikan apabila tiga pelabuhan terbesar negara telah menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan pada suku pertama tahun ini berbanding tahun lepas. Pelabuhan Klang telah melihat pertumbuhan jumlah kontena (TEU) yang dikendalikan berkembang sebanyak 5.1% manakala Pelabuhan Tanjung Pelepas telah berkembang sebanyak 22.7% dan Pelabuhan Pulau Pinang sebanyak 10.3%.



LAPORAN STATISTIK SEKTOR PENGANGKUTAN 2023



Pendaftaran Kenderaan Baharu Mengikut Jenis 2023

